

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

E-BULETIN ACIS UITMCPP



LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU


Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.



EDISI
2024



WAKAF ILMU



KEMURAHAN HATI

Penulis: Prof. Madya Dr. Halipah Hamzah
Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP

Kemurahan hati bererti pemberian ikhlas, tidak mengungkit, tanpa diminta, melihat bahawa yang diberikan itu hanyalah sedikit.

Si peminta merasa gembira dengan adanya orang yang bermurah hati dan si pemberi pula merasa senang hati apabila dapat memberi. Individu yang memberi sebahagian dan meninggalkan sebahagian untuk dirinya dikatakan seorang pemurah.

Individu yang memberikan kepada orang lain lebih banyak daripada yang ditinggalkan untuk dirinya sendiri maka dia memiliki sifat kemurahan hati dan orang yang menderita kemelaratan tetapi tetap mengutamakan orang lain dengan memberikan hartanya maka dia bersifat dengan altruisme.

Sifat kemurahan hati berada di tengah-tengah di antara sifat boros dan kedekut.

Keutamaan daripada sifat kemurahan hati:

1. Kemurahan hati diberikan pahala yang besar. Rasulullah SAW bersabda, "Allah lebih suka perbuatan baik yang dilakukan dengan tangan kananmu daripada yang diberikan oleh tangan kirimu, dan berikanlah sedekah walaupun hanya sedikit." (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).
2. Kemurahan hati dapat menghapus dosa. Rasulullah SAW bersabda: "Sedekah itu menghapus dosa sebagaimana air memadamkan api." (Hadis Riwayat Tirmidzi).
3. Kemurahan hati mendekatkan diri kepada Allah SWT dan menunjukkan rasa syukur atas nikmat yang diberikan-Nya.
4. Orang yang mempraktikkan kemurahan hati akan mendapat kasih sayang daripada orang lain. Mereka cenderung memiliki hubungan sosial yang baik.
5. Kemurahan hati mengurangkan sifat kedekut dan sombong. Hal ini kerana, mereka lebih prihatin terhadap keperluan orang lain.

Rasulullah SAW adalah teladan sempurna dalam sifat pemurah. Baginda memiliki kemurahan hati yang tak terhingga. Semua yang Baginda lakukan tanpa ada kepentingan diri sendiri. Baginda berjaya menakluki hati umatnya dengan sikap pemurah dan akhlak yang mulia.

Meskipun sebelum Islam, bangsa Arab jahiliyah sangat menyukai orang yang mempunyai sifat kemurahan hati. Mereka menghormati tamu dengan menyembelih ternak mereka. Namun, Rasulullah SAW berjaya mengatas semua itu dengan kemurahan hatinya yang unggul.

Kemurahan hati tidak hanya berlaku dalam hal kebendaan, tetapi juga dalam meluangkan masa, memberikan perhatian, mengerah tenaga, berkongsi ilmu, memberi sokongan emosi dan seumpamanya kepada sesama manusia.

Kemurahan hati tidak hanya berlaku dalam hal kebendaan, tetapi juga dalam meluangkan masa, memberikan perhatian, mengerah tenaga, berkongsi ilmu, memberi sokongan emosi dan seumpamanya kepada sesama manusia.



جامعة تكنولوجى مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

PENERBIT

Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH
13500 PERMATANG PAUH
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.